



4 Julai 2014  
4 July 2014  
P.U. (A) 197

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN PEMELIHARAAN KESELAMATAN AWAM (PINDAAN) 2014

### *PRESERVATION OF PUBLIC SECURITY (AMENDMENT) REGULATIONS 2014*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**ORDINAN PEMELIHARAAN KESELAMATAN AWAM, 1962**

**PERATURAN-PERATURAN PEMELIHARAAN KESELAMATAN AWAM (PINDAAN) 2014**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 3(2)(c) dan (e) Ordinan Pemeliharaan Keselamatan Awam, 1962 [*Ord. No. 6 Tahun 1962*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pemeliharaan Keselamatan Awam (Pindaan) 2014.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 5 Julai 2014.

**Pindaan peraturan 5**

2. Peraturan-Peraturan Pemeliharaan Keselamatan Awam 2013 [P.U. (A) 103/2013], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 5—

(a) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Ketua Menteri Sabah hendaklah dibantu oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik oleh Ketua Menteri Sabah, yang hendaklah bertanggungjawab bagi—

(a) pentadbiran dan pengurusan sewajarnya hal ehwal Jawatankuasa Zon Selamat Sabah Timur;

(b) penyelarasan dan penjalanan fungsi dan aktiviti Jawatankuasa Zon Selamat Sabah Timur; dan

(c) pelaksanaan keputusan dan arahan Jawatankuasa Zon Selamat Sabah Timur.”; dan

(b) dengan menggantikan subperaturan (3) dengan subperaturan yang berikut:

“(3) Anggota lain Jawatankuasa Zon Selamat Sabah Timur hendaklah terdiri daripada—

(a) seorang wakil Majlis Keselamatan Negara, yang dinamakan oleh Perdana Menteri; dan

(b) anggota yang dilantik oleh Menteri selepas berunding dengan Perdana Menteri.”.

### **Peraturan baru 5A**

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 5 peraturan yang berikut:

**“Orang yang bertanggungjawab bagi perintah dan kawalan operasi keselamatan dan risikan**

5A. (1) Menteri hendaklah melantik mana-mana orang untuk bertanggungjawab bagi perintah dan kawalan operasi keselamatan dan risikan di Kawasan Timur.

(2) Orang yang bertanggungjawab bagi perintah dan kawalan operasi keselamatan dan risikan yang disebut dalam subperaturan (1) boleh mengeluarkan apa-apa arahan yang berhubungan dengan operasi keselamatan dan risikan kepada agensi kerajaan dan adalah menjadi kewajipan agensi kerajaan untuk mematuhi arahan itu.

(3) Agensi kerajaan hendaklah dengan serta-merta melaporkan semua maklumat keselamatan dan risikan kepada orang yang bertanggungjawab bagi perintah dan kawalan operasi keselamatan dan risikan yang disebut dalam subperaturan (1).”.